

SOALAN DAN MAKLUMBALAS BERKAITAN PELAKSANAAN MPU

KATEGORI SOALAN : UMUM		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	IPTS yang menawarkan kursus-kursus pengajian secara jarak jauh/ODL, adakah perlu melaksanakan MPU ?	Ya, ODL ataupun secara jarak jauh perlu melaksanakan MPU tanpa pengecualian.
2	Adakah pengendalian HE dan TITAS diwajibkan dalam Bahasa Melayu?	Ya. Pengendalian HE dan TITAS diwajibkan dalam Bahasa Melayu (Peruntukan Seksyen 42 Akta 555).
3	Pelajar-pelajar warganegara yang tidak belajar di Malaysia atau tiada SPM, adakah boleh mengikuti pembelajaran MPU mengikut pelajar Antarabangsa kerana tidak mahir Bahasa Melayu?	Tidak dibenarkan. Pelajar berstatus warganegara Malaysia perlu mempelajari MPU mengikut subjek yang disediakan khusus bagi pelajar tempatan tanpa mengira latar belakang pendidikan mereka. Walau bagaimanapun, penilaian mata pelajaran tersebut boleh dijalankan menggunakan dwibahasa.
4	Pelajar lepasan Diploma yang mengikut silibus lama MPW, sekiranya menyambung pengajian di peringkat Diploma Lanjutan selepas 1/9/2013 adakah masih perlu ambil MPU?	Ya. Pelajar perlu ambil MPU dan pengecualian boleh dipertimbangkan untuk kumpulan kursus U1 oleh IPTS tersebut.
5	Pelajar lepasan diploma yang mengikut silibus baru MPU, sekiranya menyambung pengajian di peringkat diploma lanjutan, adakah masih perlu ambil subjek MPU sekali lagi?	Tidak perlu mengambil MPU sekali lagi.
6	Twining Programme (contohnya degree 1+2, iaitu satu tahun pengajian dlm Negara), adakah pelajar perlu selesaikan semua subjek MPU terlebih dahulu sebelum meneruskan pengajian di luar negara.	Tidak semestinya tetapi perlu dipastikan pelajar telah mengikut semua MPU yang dikenalpasti dan lulus sebelum bergraduasi. Sebagai cadangan U1 dan U3 boleh dijalankan di Malaysia kerana melibatkan unsur-unsur kenegaraan. U2 dan U4 pula

		dilaksanakan di luar Negara.
7	<p>Bagi Twinning Programme (1+2), bagaimana 12-14 jam kredit bagi MPU ini hendak dilaksanakan dalam tempoh setahun sedangkan kredit hours bagi <i>core subject</i> juga perlu diselesaikan dalam tempoh tersebut?</p> <p>Bolehkan IPTS menawarkan subjek tersebut semasa tempoh cuti pelajar?</p>	IPTS boleh menawarkan MPU semasa tempoh cuti pelajar. Walau bagaimanapun dasar tempoh pengajian 43 minggu perlu dipatuhi.
8	Bolehkah subjek yang sama dalam U2, U3, dan U4 diambil oleh seorang pelajar yang sama untuk setiap peringkat pengajian?	<p>Tidak dibenarkan kecuali tahap berbeza.</p> <p>Contoh:</p> <p>Situasi 1 : Pelajar A ambil kursus Kreatif Writing di peringkat sijil. Pelajar A juga ambil Kreatif Writing di peringkat Diploma - tidak dibenarkan kerana tahap yang sama.</p> <p>Situasi 2 : Pelajar A ambil kursus <u>Kreatif Writing 1</u> di peringkat sijil. Pelajar A ambil <u>Kreatif Writing 2</u> di peringkat Diploma - dibenarkan.</p>
9	Adakah MPU diwajibkan kepada program Foundation?	Tidak. Bagi program Foundation atau setara di tahap 1 & tahap 2 mengikut tafsiran MQA, MPU adalah tidak diwajibkan.
10	<p>Sekiranya MPU ingin ditawarkan di peringkat <i>Foundation</i> bagi menggantikan subjek MPW sedia ada, adakah dibenarkan?</p> <p>Sekiranya dibenarkan, adakah bilangan kredit boleh melebihi 50?</p>	<p>Ya, dibenarkan.</p> <p><i>Tidak boleh. Kerana tertakluk kepada dasar KPT iaitu tempoh pengajian tidak melebihi 43 minggu dan 50 kredit setahun</i></p>
11	Adakah subjek Pengajian Islam boleh diwajibkan dalam MPU kerana terdapat masalah ketidakfahaman asas agama	Subjek Pengajian Islam boleh ditambah (bukan wajib) dan boleh diklasifikasi dibawah komponen U3. Namun, Kandungan kursus

	islam?	tersebut perlu disesuaikan dengan klasifikasi komponen U3 dan tahap program.
12	Bagi pelajar tempatan yang mengikuti A-Level dan akan keluar negara selepas bergraduat. Adakah MPU terpakai untuk pelajar-pelajar ini?	<i>Program A-Level termasuk dalam kategori kursus Foundation. Maka MPU tidak diwajibkan ke atas program ini.</i>
13	Adakah kod subjek MPU diselaraskan?	Format kod kursus MPU akan diselaraskan oleh KPT dan MQA (akan dimaklumkan kemudian).
14	Adakah perlu dilaksanakan U1 hingga U4 mengikut turutan?	Tidak. Terpulang kepada IPT masing-masing mengikut kesesuaian.
15	Adakah pengecualian bagi Bahasa Melayu Komunikasi 2 boleh diberikan kepada pelajar yang telah mengambil Bahasa Melayu di peringkat O-Level? (pelajar antarabangsa dari Brunei, Indonesia & Singapura)	Boleh diberikan pengecualian tetapi perlu menggantikan satu kursus lain dari kategori U2 atau U3. Yang pentingnya pelajar perlu menepati keperluan kredit MPU mengikut peringkat untuk graduat.
16	Adakah pelajar antarabangsa yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi perlu lulus subjek tersebut sebagai syarat untuk bergraduat?	Ya. Wajib lulus sebagai syarat untuk bergraduat.
17	Adakah dibenarkan transfer kredit bagi kursus MPU dari Sijil > Diploma > Degree.	Tidak dibenarkan kerana peringkat dan tahap berbeza.
18	Adakah KPT akan menyediakan garis panduan penawaran MPU bagi membantu IPTS melaksanakan MPU.	Ya. Buku panduan MPU akan disediakan dan dijangka akan diedarkan sebelum bulan September 2013.
19	Adakah pengecualian boleh diberikan kepada <i>twinning / collaboration programme</i> untuk tidak ditawarkan MPU ?	<i>Tidak. KPT menetapkan semua program dari tahap 3, 4, 5 dan 6 wajib melaksanakan MPU.</i>
20	Bolehkah Pelajar Antarabangsa menguasai Bahasa Melayu dan mempelajari MPU dalam Bahasa ini	Pelajar antarabangsa hanya akan mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi dalam bahasa Melayu untuk kebolehan berkomunikasi. Bagi

	sedangkan mereka hanya mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi dalam satu semester sahaja ?	subjek lain boleh dikendalikan dalam bahasa Inggeris.
21	Apakah kelayakan staf akademik untuk mengajar HE dan TITAS?	<p><i>Kelayakan staf akademik untuk TITAS dan Hubungan Etnik.</i></p> <p><i>i. Mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan; atau</i></p> <p><i>ii. Mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda dengan pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kursus yang diajar.</i></p>
22	Dicadangkan bila terdapat perubahan pada MPU pihak KPT dapat memberi taklimat/latihan kepada IPTS dari semasa ke semasa memandangkan MPU baru dilaksanakan.	<p>Maklumat terkini berkaitan pelaksanaan MPU boleh dimuat turun dari portal JPT.</p> <p>http://jpt.mohe.gov.my/external2.htm</p>

KATEGORI SOALAN : U1

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Bagi pelajar tempatan yang berkelayakan 'O' Level, adakah mereka juga perlu ambil Bahasa Melayu Komunikasi?	<p>Pelajar berstatus warganegara Malaysia perlu mempelajari MPU mengikut subjek yang disediakan khusus bagi Pelajar Tempatan tanpa mengira latar belakang pendidikan mereka.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, penilaian mata pelajaran tersebut boleh dijalankan menggunakan dwibahasa.</p>
2	Adakah subjek TITAS dan Hubungan Etnik perlu guna Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar walaupun kepada pelajar warganegara yang kurang menguasai Bahasa Melayu ?	Ya. Dasar KPT menetapkan TITAS dan Hubungan Etnik diajar dalam bahasa Melayu.
3	Adakah TITAS dan Hubungan Etnik wajib?	Wajib.

4	Adakah TITAS dan Hubungan Etnik perlu dijalankan serentak dalam semester yang sama?	Tidak semestinya. Boleh dijalankan mengikut kesesuaian semester atau program. Sebagai contoh, semester 1, pelajar boleh mengambil TITAS terlebih dahulu dan kemudian semester 2, mengambil Hubungan Etnik.
5	Adakah TITAS perlu diajar oleh Pensyarah berbangsa Melayu atau Muslim sahaja?	Tidak semestinya berbangsa Melayu atau muslim. Staf akademik perlu mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian lebih dari 3 tahun.
6	Pelajar Antarabangsa masuk IPTS terus ke Program Ijazah. Adakah wajar mempelajari Bahasa Komunikasi 2 sedangkan Bahasa Komunikasi 1 tidak dipelajari.	Sijil dan Diploma perlu mengambil Bahasa Melayu Komunikasi 1 (silibus Bahasa Kebangsaan B) Ijazah perlu mengambil Bahasa Melayu Komunikasi 2 (Silibus Bahasa Melayu Komunikasi 1) Pelajar yang telah mengambil BMK 1 pada peringkat sijil perlu ambil BMK 1 diperingkat Diploma untuk tujuan pengukuhan.
7	Adakah pelajar lepasan Matrikulasi dikecualikan mengambil mata pelajaran Hubungan Etnik?	Tiada pengecualian diberikan.

KATEGORI SOALAN : U2, U3 dan U4

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Adakah subjek Pengajian Islam diajar sebagai komponen subjek dalam U2 atau U3?	Kursus Pengajian Islam lebih sesuai diletakkan di bawah komponen U3 tetapi perlu disesuaikan mengikut tahap, hasil pembelajaran dan klasifikasi MPU
2	Bolehkah satu kursus yang sama dalam U2, U3, dan U4 diambil oleh pelajar berlainan daripada peringkat pengajian berbeza (sijil, diploma dan ijazah).	Tidak dibenarkan kerana tahap kompleksiti dan LO adalah berbeza mengikut tahap.
3	Bagi subjek-subjek dalam kategori U2	Boleh tetapi perlu disesuaikan mengikut tahap,

	dan U3, adakah boleh mengguna pakai silibus yang lama?	hasil pembelajaran dan klasifikasi MPU. Contoh : Mata Pelajaran Islam/ Moral tidak berapa sesuai di dalam U2 tetapi jika dilakukan dalam U2, maka perlu menerapkan INSANIAH. Namun, lebih tepat di masukan ke dalam U3.
4	Jika pelajar buat family day, ada perancangan dan sebagainya, boleh diambil kira atau tidak sebagai aktiviti U4?	<i>Family Day</i> atau sebarang aktiviti boleh dikira di dalam U4 sekiranya ada bukti <i>Learning Outcome</i> (LO) bagi U4 dilaksanakan.
5	Adakah aktiviti kokurikulum tergolong dalam U4?	Ya. Tetapi perlu menepati keperluan <i>Learning Outcome</i> (LO) bagi U4.
6	Adakah U4 boleh diselitkan di antara U2 dan U3?	Tidak boleh kerana klasifikasi U2 dan U3 adalah berbeza dengan U4.
7	Berapa orang ahli sepatutnya di dalam satu kumpulan bagi melaksanakan projek bagi U4?	Secara amnya, seramai 20 ke 30 orang pelajar, bergantung kepada projek. Yang pentingnya, pastikan objektif kursus U4 itu dicapai.
8	Adakah 1 projek dalam U4 terhad untuk pelajar kohort yang sama sahaja?	Tidak semestinya. Amalan merentasi kohort dan peringkat pengajian adalah amat digalakkan. Ini akan menggalakkan pemindahan pengetahuan dan kemahiran sesama pelajar yang lebih berkesan. Contoh: Pelajar ijazah dengan pelajar diploma.
9	Adakah pelajar dibenarkan untuk memilih subjek dibawah U2, U3 dan U4?	Ya. Pelajar dibenarkan untuk memilih.
10	Apabila IPTS memilih sendiri bilangan jam kredit mengikut pilihan masing-masing, tiada keseragaman antara satu kolej dan lain. Pelajar yang hendak bertukar kolej akan ada masalah dalam <i>transfer credit</i> .	Pemindahan pelajar dari satu IPTS ke IPTS yang lain perlu mengambil kira sekurang-kurangnya bilangan jam kredit minimum bagi kursus MPU di tepati oleh pelajar.
11	Adakah pelajar yang telah mengambil U2, U3 dan U4 semasa tahap Diploma perlu mengambil semula semasa menyambung pengajian di tahap	Ya. Tiada <i>credit transfer</i> diberikan kepada pelajar Diploma ke program Ijazah Sarjana Muda. Pelajar boleh mengambil subjek yang berlainan di bawah kategori U2, U3 dan U4

	ljazah?	
12	Siapa yang akan bertanggungjawab terhadap keselamatan pelajar semasa menjalankan U4?	IPTS akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan pelajar.